

→ **Pertandingan** ini mendapat kerjasama daripada Organisasi Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)  
 → **Juara** pertandingan akan membawa pulang wang tunai berjumlah STG30,000



**Penyelia Kumpulan Bunga Raya** dari UniKL, Wan Nur Shaqella Wan Abdul Razak mendengar ulasan daripada anggota kumpulan itu mengenai projek Airbus Fly Your Ideas.

2 MAC 2017

# Tiga wakili Malaysia sahut cabaran Airbus

**BERITA HARIAN**
**BERITA HARIAN**

**Oleh Siti Syahirah Suhaimi**  
varsiti@bh.com.my

► Serdang

**T**iga pasukan pelajar yang mewakili universiti masing-masing terpilih mewakili Malaysia dalam pertandingan reka cipta aero angkasa, 'Airbus Fly Your Ideas 2017' pusingan kedua yang kini diadakan secara dalam talian bermula Januari lalu.

Pasukan terbabit ialah

Universiti Putra Malaysia (UPM) dan dua pasukan dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL), SeeLab dan Bunga Raya yang berjaya menewaskan 306 kumpulan serata pelusuk dunia pada pusingan awal, baru-baru ini.

Kategori yang dipertandingkan oleh Putra Space ialah Pengalaman Penumpang, manakala Bunga Raya dan SeeLab ialah dalam Pembuatan.

Ketua pasukan Putra Space, Mohd Fazri Sedan, 22, berkata inovasi yang mereka ketengahkan ialah Sistem

Automatik, khas untuk memudahkan proses penyimpanan beg penumpang dengan bantuan robot.

"Sistem ini bukan sahaja membolehkan beg disimpan secara automatik malah turut memanfaatkan ruang di bawah kabin untuk tujuan meletakkan beg supaya lebih sistematik, teratur, dan cepat.

"Sistem itu menguntungkan penumpang dan syarikat penerbangan kerana menjimatkan kos, masa, mengurangkan risiko kecederaan akibat beg terjatuh ketika

tiada ruang penyimpanan mencukupi," katanya ketika ditemui di Fakulti Kejuruteraan, UPM, baru-baru ini.

#### **Dinilai pakar pesawat:**

Tiga kumpulan berkenaan adalah antara 50 yang terpilih untuk mara ke pusingan kedua secara dalam talian yang memerlukan mereka mengembangkan idea sedia ada dengan mendapat bantuan daripada mentor pengeluar pesawat terbuka dunia, Airbus.

Idea inovasi mereka akan dinilai oleh 60 pakar

hanya lima pasukan sahaja dipilih ke peringkat akhir di Perancis pada Mei ini.

Sementara itu, ketua pasukan Bunga Raya, Ziyad Razali, 22, berkata, inovasi mereka pertandingan ialah Penjana Bunyi Elektrik (SEG) yang berfungsi menghasilkan tenaga kuasa untuk pesawat melalui bunyi dikeluarkan oleh enjin kapal terbang.

Menerusi SEG katanya, pencemaran bunyi dapat dikurangkan kerana boleh ditukarkan kepada tenaga elektrik sekali gus dapat menggantikan

penjana konvensional pesawat yang lebih berat.

"Jika digunakan, berat pesawat bukan sahaja dapat dikurangkan malah menjimatkan penggunaan minyak dalam setiap operasi hingga mendatangkan keuntungan kepada kedua pihak, pengendali dan pembuat pesawat.

"Secara teori, inovasi ini boleh dilakukan dan dilihat sebagai pesawat masa hadapan. Kami berharap, idea teknologi hijau ini diterima oleh Airbus serta melayakkan kami ke pusingan akhir nanti," katanya